

**SOSIALISASI DALAM KALANGAN PELAJAR
ANTARABANGSA DI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

RIKI TAUFIKI



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2014

Penyelidikan ini adalah mengenai sosialisasi dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian bertujuan untuk mengenal pasti isu sosial pelajar antarabangsa, isu penyesuaian akademik pelajar antarabangsa, tanggapan pelajar antarabangsa terhadap budaya tempatan, tanggapan pelajar tempatan terhadap pelajar antarabangsa dan kesediaan pelajar antarabangsa dalam penyesuaian sosiobudaya. Kajian telah dijalankan mengikut pendekatan kajian kes dengan menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Triangulasi data dilakukan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan. Dapatan kajian menunjukkan isu sosial yang dihadapi pelajar antarabangsa adalah isu-isu bahasa, makanan, diskriminasi, prejudis, stereotaip, perbezaan budaya, etnosentrisme dan isu birokrasi. Isu-isu akademik yang dihadapi pelajar antarabangsa adalah isu sistem pengajian tempatan, birokrasi, bahasa pengantar pengajian dan disiplin pensyarah. Berasaskan analisis teori label, didapati bahawa sungguhpun terdapat label negatif, tanggapan pelajar antarabangsa terhadap budaya tempatan adalah lebih positif. Tanggapan pelajar tempatan terhadap pelajar antarabangsa juga positif. Usaha-usaha penyesuaian sosiobudaya pelajar antarabangsa berlaku antaranya menerusi usaha sendiri, kemahiran sosial, sokongan sosial, sokongan agama, melibatkan diri dalam aktiviti, dan meningkatkan kemahiran bahasa. Dapatan kajian diharapkan dapat membantu para penggubal dasar di universiti dan di negara asal untuk membina polisi yang menyokong proses sosialisasi pelajar antarabangsa.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SOCIALIZATION AMONG INTERNATIONAL STUDENTS AT UPSI

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

This research was about socialization among international students at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The aims of this study were to identify international students' social issues, international students' academic adjustment issues, international students' notion on local cultures, local students' impression on international students and international students' willingness to making sociocultural adjustment. The study was conducted according to a case study approach using interviews, observations and document analysis as instrument. Data triangulation was made to ensure the validity and reliability of the data. The findings illustrated that various of social issues faced by international students were language, food, discrimination, prejudice, stereotype, cultural differences, ethnocentrism and bureaucracy. The academic issues faced by international students were; the educational system in Malaysia, language of instruction, university bureaucracy and lecturer's discipline. According to labeling theory based analysis, although there are negative labels, the international students notion on local cultures are mostly positive. The impression of local students on international students are also positive. Sociocultural adjustment efforts done by international students through their own efforts, social efficacy, social support from friends, support of religion, increased involvement in activity and improve their language competence. This study will help policy-makers either in the university or policy makers in the country of origin so that they can make a policy to assist socialization of international students.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KANDUNGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

	Muka Surat
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI JADUAL	xx
SENARAI SINGKATAN	xx
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Kerangka Teori	9
1.6.1 Teori Label dan Pelajar Antarabangsa	11
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	13
1.7.1 Sosialisasi	13
1.7.2 Pelajar Antarabangsa	14

1.7.3	Isu Sosial Pelajar Antarabangsa	14
1.7.3.1	Bahasa	15
1.7.3.2	Pemahaman Budaya	16
1.7.3.3	Kejutan Budaya	16
1.7.3.4	Diskriminasi	17
1.7.3.5	Prejudis	17
1.7.3.6	Stereotaip	18
1.7.3.7	Perkauman	18
1.7.4	Isu Akademik Pelajar Antarabangsa	19
1.7.5	Penyesuaian Sosiobudaya	19
1.8	Kepentingan Kajian	20
1.8.1	Untuk Bidang Sosiologi Pendidikan	20
1.8.2	Untuk Kementerian Pendidikan Malaysia	21
1.8.3	Untuk Universiti Pendidikan Sultan Idris	22
1.8.4	Untuk Pensyarah	22
1.8.5	Untuk Pelajar Tempatan	23
1.8.6	Untuk Penaja dan Penggubal Dasar di Negara Asal	
	Pelajar	23
1.9	Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
-----	------------	----

2.2	Kajian Lepas	26
2.2.1	Kajian Lepas Mengenai Isu Sosial Pelajar	
	Antarabangsa	26
	2.2.1.1 Kajian Luar Negara	26
	2.2.1.2 Kajian Dalam Negara	27
2.2.2	Kajian Lepas Berkaitan Isu Penyesuaian Akademik	
	Pelajar Antarabangsa	28
	2.2.2.1 Kajian Luar Negara	28
	2.2.2.2 Kajian Dalam Negara	30
2.2.3	Kajian Lepas Berkaitan Tanggapan Pelajar	
	Antarabangsa Terhadap Budaya Tempatan	31
2.2.4	Kajian Lepas Mengenai Penyesuaian Sosiobudaya	
	Pelajar Antarabangsa	32
	2.2.4.1 Kajian Luar Negara	32
	2.2.4.2 Kajian Dalam Negara	34
2.2.5	Kajian Lepas Berkaitan Teori Label dan Pelajar	
	Antarabangsa	34
2.2.6	Jurang Dengan Kajian Lepas	36
2.3	Sosialisasi	37
2.3.1	Jenis Sosialisasi	39
	2.3.1.1 Sosialisasi Primer	39
	2.3.1.2 Sosialisasi Sekunder	40
	2.3.1.3 Resosialisasi	41

2.3.2	Sosialisasi dan Konsep Kendiri	42
2.3.2.1	Kendiri	43
2.3.2.2	Identiti	43
2.3.3	Agen Sosialisasi	44
2.3.3.1	Keluarga	45
2.3.3.2	Pendidikan	45
2.3.3.3	Rakan Sebaya	46
2.3.3.4	Media	47
2.3.3.5	Agama	47
2.3.4	Sosialisasi Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	49
2.4	Budaya	50
2.4.1	Nilai	51
2.4.2	Norma	52
2.4.3	Bahasa	53
2.4.3.4	Bahasa dan Etnik	54
2.4.4	Gerak Isyarat	54
2.4.5	Kejutan Budaya	55
2.4.6	Relativisme Budaya	56
2.5	Isu Sosial Pelajar Antarabangsa	57
2.5.1	Pemahaman Budaya	57
2.5.2	Isu Bahasa	58
2.5.3	Etnosentrisme	58
2.5.4	Diskriminasi	59

2.3.2	Sosialisasi dan Konsep Kendiri	42
2.3.2.1	Kendiri	43
2.3.2.2	Identiti	43
2.3.3	Agen Sosialisasi	44
2.3.3.1	Keluarga	45
2.3.3.2	Pendidikan	45
2.3.3.3	Rakan Sebaya	46
2.3.3.4	Media	47
2.3.3.5	Agama	47
2.3.4	Sosialisasi Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	49
2.4	Budaya	50
2.4.1	Nilai	51
2.4.2	Norma	52
2.4.3	Bahasa	53
2.4.3.4	Bahasa dan Etnik	54
2.4.4	Gerak Isyarat	54
2.4.5	Kejutan Budaya	55
2.4.6	Relativisme Budaya	56
2.5	Isu Sosial Pelajar Antarabangsa	57
2.5.1	Pemahaman Budaya	57
2.5.2	Isu Bahasa	58
2.5.3	Etnosentrisme	58
2.5.4	Diskriminasi	59

2.5.5	Prejudis	61
2.5.6	Stereotaip	61
2.5.7	Perkauman	62
2.5.8	Isu birokrasi	64
2.6	Isu dalam Penyesuaian Akademik Pelajar Antarabangsa	65
2.6.1	Isu Sistem Pengajian Tempatan	65
2.6.2	Isu Bahasa dalam Pengajian	66
2.7	Penyesuaian Sosiobudaya	67
2.7.1	Sokongan Sosial dan Kemahiran Sosial	70
2.8	Teori Berkaitan Sosialisasi Pelajar Antarabangsa	71
2.8.1	Teori Modal Budaya dan Habitus Bordieu	71
2.8.2	Teori Kod Bahasa Bernstein	73
2.8.3	Teori <i>Cultural Thought Pattern</i> Kaplan	74
2.8.4	Hipotesis Sapir dan Whorf	77
2.8.5	Teori <i>Time Concept</i> Edward Hall	79
2.9	Teori Label Dalam Pendidikan	82
2.10	Rumusan	85

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	86
3.2	Reka bentuk Kajian	87
3.2.1	Kaedah Kajian	89

3.2.2	Pendekatan Kajian	90
3.3	Instrumen Kajian	91
3.3.1	Temu bual	92
3.3.2	Pemerhatian	93
3.3.3	Analisis Dokumen	94
3.4	Responden Kajian	95
3.5	Tempat Kajian	97
3.6	Pengumpulan Data	99
3.7	Kaedah Menganalisis Data	101
3.8	Etika Penyelidikan	103
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	104
3.9.1	Triangulasi	105
3.9.2	<i>Member Checks</i> dan <i>Peer Review</i>	106
3.10	Batasan Kajian	107
3.11	Rumusan	108

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	109
4.2	Latar Responden	110
4.2.1	Latar Responden 1	110
4.2.2	Latar Responden 2	110
4.2.3	Latar Responden 3	111

4.2.4	Latar Responden 4	111
4.2.5	Latar Responden 5	112
4.2.6	Latar Responden 6	112
4.2.7	Latar Responden 7	113
4.2.8	Latar Responden 8	113
4.2.9	Latar Responden 9	114
4.2.10	Latar Responden 10	114
4.2.11	Latar Responden 11	115
4.2.12	Latar Responden 12	115
4.3	Dapatan Pemerhatian	116
4.3.1	Pemerhatian Pertama	116
4.3.2	Pemerhatian Kedua	116
4.3.3	Pemerhatian Ketiga	117
4.3.4	Pemerhatian Kempat	118
4.3.5	Pemerhatian Kelima	119
4.3.6	Pemerhatian Keenam	121
4.3.7	Pemerhatian Ketujuh	121
4.3.8	Pemerhatian Kelapan	122
4.3.9	Pemerhatian Kesembilan	123
4.3.10	Pemerhatian Kesepuluh	124
4.3.11	Pemerhatian Kesebelas	124
4.3.12	Pemerhatian Kedua Belas	125
4.3.13	Pemerhatian Ketiga Belas	125

4.3.14	Pemerhatian Keempat Belas	126
4.3.15	Pemerhatian Kelima Belas	128
4.3.16	Pemerhatian Keenam Belas	129
4.3.17	Pemerhatian Ketujuh Belas	129
4.3.18	Pemerhatian Kelapan Belas	131
4.3.19	Pemerhatian Kesembilan Belas	132
4.3.20	Pemerhatian Kedua Puluh	133
4.3.21	Pemerhatian Keduapuluh Satu	133
4.3.22	Pemerhatian Kedua Puluh Dua	134
4.3.23	Pemerhatian Kedua Puluh Tiga	134
4.4	Rumusan Pemerhatian	135
4.4.1	Apakah Isu Sosial Yang Dialami Pelajar Antarabangsa Di UPSI?	135
4.4.1.1	Isu Makanan	135
4.4.1.2	Etnosentrisme	136
4.4.1.3	Isu Bahasa	137
4.4.2	Apakah Tanggapan Pelajar Antarabangsa di UPSI Terhadap Budaya Tempatan	138
4.4.3	Apakah Tanggapan Pelajar Tempatan Terhadap Pelajar Antarabangsa di UPSI	139
4.4.4	Bagimanakah Kesediaan Pelajar Antarabangsa di UPSI Dalam Melakukan Penyesuaian Soibudaya	140

4.4.4.1	Melakukan Penglibatan	140
4.4.4.2	Hubungan Antara Sesama Pelajar Antara bangsa dan hubungan Dengan Pelajar Tempatan	141
4.4.4.3	Penerimaan Masyarakat Tempatan	142
4.4.4.4	Kes Responden 7	143
4.5	Dapatan Temu Bual	144
4.5.1	Apakah Isu Sosial Dalam Kalangan Pelajar Antrabangsadi UPSI?	144
4.5.1.1	Isu Bahasa	144
4.5.1.2	Isu Makanan	149
4.5.1.3	Isu Perbezaan Budaya dan Etnosentrisme	152
4.5.1.4	Diskriminasi	154
4.5.1.5	Prejudis dan Stereotaip	157
4.5.1.6	Isu Birokrasi	158
4.5.2	Apakah Isu Penyesuaian Akademik Pelajar Antarabangsa di UPSI?	159
4.5.2.1	Isu Sistem Pengajian yang Berbeza dan Birokrasi Universiti	159
4.5.2.1.3	Isu Pemilihan Mod Pengajian	162
4.5.2.2	Isu Bahasa Dalam Pengajian	164
4.5.2.3	Isu Disiplin Pensyarah	166
4.5.3	Apakah Tanggapan Pelajar Antarabangsa	

Di UPSI Terhadap Budaya Tempatan? 168

4.5.3.1 Pandangan Terhadap Budaya Tempatan 168

4.5.3.1.1 Kekaguman Terhadap Budaya
Tempatan 170

4.5.3.2 Pandangan Terhadap Masyarakat
Tempatan 172

4.5.3.3 Membina Pemahaman Terhadap Budaya
Tempatan 174

4.5.4 Apakah Tanggapan Pelajar Tempatan
terhadap Pelajar Antarabangsa Di UPSI 177

4.5.4.1 Pengalaman Bersosialisasi Dengan
Pelajar Antarabangsa 177

4.5.4.1.1 Kesan Positif Terhadap Pelajar
Antarabangsa 178

4.5.4.2 Pandangan Mengenai Kesian Pelajar
Antarabangsa Melakukan Sosialisasi 180

4.5.4.3 Halangan Dalam Membina Hubungan
Dengan Pelajar Antarabangsa 181

4.5.4.3.1 Halangan Bahasa 181

4.5.4.4 Usaha Meningkatkan Penglibatan Pelajar
Antarabangsa 183

4.5.4.5 Pandangan Terhadap Pelajar Antara
Bangsa 184

4.5.5	Bagimanakah Kesediaan Pelajar Antarabangsa Di UPSI Dalam Melakukan Penyesuaian Sosiobudaya	186
4.5.5.1	Melakukan Penyesuaian Sosiobudaya	
	Menerusi Usaha Sendiri Dan Kemahiran Sosial	186
4.5.5.2	Sokongan Sosial Dan Sokongan Agama	189
4.5.5.2.1	Faktor Kesamaan Agama	190
4.5.5.3	Melakukan Penglibatan	191
4.5.5.4	Usaha Mengatasi Isu Makanan	193
4.5.5.5	Hubungan Antara Sesama Pelajar Antara bangsa	194
4.5.5.6	Penerimaan Masyarakat Tempatan	195
4.5.5.7	Penerimaan Pelajar Tempatan	198
4.6.	Dapatan Analisis Dokumen	198
4.6.1	Analisis Berdasarkan Buku Panduan Pelajar Antarabangsa di UPSI	198
4.6.1.1	Buku Panduan <i>International Student Guidebook</i>	198
4.6.1.2	Brosur <i>Guidelines Booklet for International students</i>	201
4.6.1.3	Brosur <i>Do's and Don'ts For International Students In Malaysia</i>	202
4.6.2	Dokumen Panduan Akademik Pelajar Antarabangsa Di UPSI	203

4.6.2.1 Syarat Kemasukan Pelajar	204
4.6.2.2 Program dan Mod Pengajian Yang Ditawarkan	204
4.6.2.3 Pelan Pengajian	204
4.6.2.4 Panduan Penulisan Tesis	205
4.6.2.4.1 Proses Penghasilan Tesis/ Disertasi	205
4.6.4.2.2 Panduan Penulisan Proposal Dan Pembentangan Proposal	206
4.6.4.2.3 Langkah-langkah Penyerahan Tesis/Disertasi	206
4.6.4.2.4 Format Tesis/Disertasi	206
4.6.4.2.5 Maklumat Lainnya	207
4.6.2.5 Brosur Panduan Tesis Dan Disertasi	207
4.6.3 Dokumen Mengenai Pelajar Antarabangsa Di UPSI	208
4.6.3.1 Dokumen Kemasukan Pelajar Antara bangsa Namibia ke UPSI	208
4.6.3.2 Dokumen Orientasi Pelajar Antarabangsa	209
4.6.3.3 Dokumen Aktiviti Pelajar Antarabangsa	209
4.6.4 Dokumen Stereotaip Terhadap Pelajar Antarabangsa	210
4.6.4.1 Pengenalan	210

4.6.4.2	Kes jenayah Pelajar Antarabangsa	211
4.6.4.3	Stereotaip dan Kesannya Terhadap Pelajar Antarabangsa	212
4.6.4.4	Pandangan Pelajar Antarabangsa Melawan Stereotaip	212
4.7	Rumusan	213

BAB 5 RUMUSAN

5.1	Pengenalan	216
5.2	Ringkasan Kajian	217
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	217
5.3.1	Perbincangan Mengenai Isu Sosial yang Dialami Pelajar Antarabangsa	217
5.3.2	Perbincangan Mengenai Isu Penyesuaian Akademik Pelajar Antarabangsa	225
5.3.3	Perbincangan Mengenai Tanggapan Pelajar Antarabangsa Terhadap Budaya Tempatan	231
5.3.4	Perbincangan Mengenai Tanggapan Pelajar Tempatan Terhadap Pelajar Antarabangsa	233
5.3.5	Perbincangan Kesediaan Pelajar Antarabangsa Melakukan Penyesuaian Sosiobudaya	236
5.4	Implikasi Teori	242

5.5	Implikasi Kajian	244
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	246
5.7	Kesimpulan	247

RUJUKAN	251
---------	-----

LAMPIRAN

LAMPIRAN A:	Borang Pengesahan Peserta Kajian
LAMPIRAN B:	Protokol Temu Bual Pelajar Antarabangsa
LAMPIRAN C:	Protokol Temu Bual Pelajar Tempatan
LAMPIRAN D:	Contoh Nota Lapangan Pemerhatian
LAMPIRAN E:	Contoh Transkrip Temu Bual

SENARAI RAJAH

Senarai Rajah	Muka surat
Rajah 1.1 Kerangka Teori	9
Rajah 2.1 Model <i>Cultural Thought Pattern</i> Kaplan	76
Rajah 3.1 Analisis Data Dalam Kajian Kualitatif	102

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual

Muka surat

Jadual 1.1	Kemasukan Pelajar Antarabangsa di IPT Malaysia	2
Jadual 1.2	Senarai Pelajar Antarabangsa di UPSI Mengikut Negara Asal	4
Jadual 2.1	Perbandingan Polikronik dan Monokronik	81
Jadual 3.1	Data Demografi Responden	97
Jadual 5.1	Tinjauan Kategori Isu Sosial Pelajar Antarabangsa	224
Jadual 5.2	Tinjauan Kategori Isu Penyesuaian Akademik Pelajar Antarabangsa	230

SENARAI SINGKATAN

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
BHEA	Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
IPS	Institut Pengajian Siswazah
KAB	Kolej Aminuddin Baki
MMK	Majlis Mahasiswa Kolej
R	Responden
b	baris

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka teori, definisi konsep dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang

Sosialisasi adalah proses mempelajari peranan, status dan nilai yang harus dimiliki seseorang dalam sebuah institusi sosial. Sosialisasi dapat mengubahsuai tingkah laku awal individu untuk diselaraskan dengan kehendak kehidupan sosial masyarakat

semasa (Amir Hasan Dawi, 2009: 59). Sosialisasi adalah salah satu faktor penting yang menentukan kualiti dan pengalaman hidup seseorang individu.

Antara isu dalam sosialisasi pelajar antarabangsa ialah isu sosial, isu penyesuaian akademik, tanggapan terhadap budaya tempatan, penyesuaian sosiobudaya dan tanggapan pelajar tempatan terhadap mereka. Sejar dengan matlamat Malaysia untuk menjadi pusat pengajian tinggi serantau, pelbagai usaha bagi menggalakkan pengambilan pelajar antarabangsa di universiti-universiti di negara ini telah dijalankan. Kesan dari dasar tersebut adalah meningkatnya bilangan kemasukan pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia (Jadual 1.1).

Jadual 1.1

Kemasukan Pelajar Antarabangsa di IPT Malaysia (2005-2010)

No.	Tahun	IPTA		IPTS		Keseluruhan IPT	
		Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
1.	2005	6622	16.3	33903	83.7	40525	100.0
2.	2006	7941	17.9	36449	82.1	44390	100.0
3.	2007	14324	29.9	33604	70.1	47928	100.0
4.	2008	18485	26.7	50679	73.3	69164	100.0
5	2009	22456	27.8	58294	72.2	80750	100.0
6..	2010	24214	27.9	62709	72.1	86923	100.0

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013

Selari dengan itu pelbagai persediaan perlu terus dipertingkatkan. Selain daripada pembinaan infrastruktur, permasalahan berkait sosialisasi pelajar antarabangsa sepatutnya harus diambil berat. Jika dilihat pada pengalaman negara lain yang menjadi pusat pengajian antarabangsa, permasalahan sosialisasi pelajar antarabangsa adalah penentu yang memberi kesan terhadap kehidupan sosial dan kejayaan akademik mereka. Oleh sebab itu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga perlu memberi tumpuan terhadap masalah sosialisasi pelajar antarabangsa kerana perkara ini boleh mempengaruhi reputasi Malaysia dalam mewujudkan pendidikan bertaraf dunia.

Permasalahan sosialisasi dalam kalangan pelajar antarabangsa juga penting dikaji selari dengan matlamat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang ingin menjadi *Leading Education University* di Asia Tenggara pada tahun 2015 dan Asia pada tahun 2020. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Naib Canselor UPSI, Prof Dr. Zakaria Kasa dalam Amanat Naib Canselor 2013 (Warta Kampus, Mei 2013):

“Saya menetapkan tahun 2015 UPSI akan menjadi *Leading Education University* di Asia Tenggara dan pada tahun 2020 akan menjadi *Leading Education University* di Asia pula”.

Salah satu dasar yang telah dijalankan universiti adalah dengan melakukan pengantarabangsaan UPSI, dengan terus mempertingkatkan pengambilan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara (Jadual 1.2).

\\

Jadual 1.2

Senarai Pelajar Antarabangsa di UPSI Mengikut Negara Asal

Bil	Negara Asal	Bil Pelajar	Peratus (%)
1.	Amerika Syarikat	6	4,8%
2.	Brunei Darussalam	2	1,6%
3.	China	35	28,0%
4.	Indonesia	57	45,6%
5.	Iran	1	0,8%
6.	Iraq	5	4,0%
7.	Korea Selatan	12	9,6%
9.	Singapore	1	0,8%
10.	Thailand	4	3,2%
11.	Turkey	1	0,8%
Total		125	100%

Sumber: Hal Ehwal Antarabangsa UPSI, 18 Januari 2013

Pelajar antarabangsa mempunyai peranan penting dalam usaha mencapai matlamat universiti tersebut. Pelajar antarabangsa secara tidak langsung adalah duta universiti dan negara tempat mereka melakukan pengajian. Pelajar antarabangsa dengan sendirinya dapat mempromosikan UPSI sebagai universiti antarabangsa yang berkualiti dan mempromosikan keunggulan pengajian tinggi di Malaysia.

Pengalaman dan pengamatan pengkaji sebagai sebahagian daripada pelajar antarabangsa di UPSI juga mengilhami kajian ini untuk dijalankan. Pelajar antarabangsa di UPSI mengalami pelbagai pengalaman menarik selama menempuh pengajian di Malaysia. Sesetengah pelajar antarabangsa berasal daripada negara dengan latar budaya yang berbeza sehingga sering mengalami masalah dalam

pemahaman budaya dan perlakuan diskriminasi. Ada pelajar antarabangsa yang mengalami masalah bahasa. Terdapat pula sesetengah di antara pelajar antarabangsa yang cenderung berpolarisasi untuk berhubungan hanya dengan rakan-rakan daripada negara asal mereka saja. Pelbagai isu ini antaranya disebabkan sesetengah pelajar antarabangsa baharu pertama kali meninggalkan negaranya untuk melakukan pengajian di luar negara. Persekitaran baharu, peraturan sosial baharu, budaya yang berbeza dan keharusan menyesuaikan diri dengan pelajar dan masyarakat tempatan dapat menjadi tekanan bagi pelajar antarabangsa (Fumiko, 2009: 1). Bahkan beberapa diantaranya dapat mengalami kejutan budaya, iaitu ketegangan yang dialami seseorang daripada satu pengalaman budaya (budaya sendiri) apabila mereka mesti menyesuaikan diri kepada cara budaya baharu (Ferrante, 2006: 96).

Kajian Schram dan Lauver (1988) dan kajian Zimmermann (1995) mendapati bahawa pelajar antarabangsa yang mempunyai sosialisasi yang kerap dengan warga negara tempatan cenderung tidak mengalami pengasingan dan berjaya dalam kehidupan harian dan pengajian mereka. Manakala pelajar yang sosialisasinya terhadap lebih banyak berdepan dengan pelbagai isu (IPPTN 2009). Oleh itu sosialisasi adalah faktor yang sangat menentukan bagi kejayaan pelajar antarabangsa.

1.3 Pernyataan Masalah

Sosialisasi adalah salah satu faktor penting yang menentukan kualiti pengalaman hidup seseorang individu. Kehidupan sosial yang baik akan membantu pelajar antarabangsa lebih baik dalam pencapaian akademik dan matlamat kehidupan